

Alam Wanita

Sīti Zaynab binti Khuzaymah

(Wanita Tangan Panjang)

Salah seorang daripada isteri Rasulullah (S.A.W) ialah Sīti Zaynab binti Khuzaymah, beliau adalah seorang puteri Islam yang mendapat tempat hidup istimewa di samping Rasulullah, atau lebih jelas lagi, bahawa Sīti Zaynab adalah mendapat gelaran sebagai *Umm al-Mu'minīn*.

(Oleh: Ummu Muhsin)

Setelah saya membaca dan mengkaji beberapa riwayat hidup wanita-wanita Islam yang terkenal dan tertulis dengan tinta emas dalam buku-buku sejarah Islam di zaman Rasulullah amnya, dan sejarah hidup isteri-isteri Nabi khususnya, maka saya dapati tidak ada seorang pun daripada mereka yang telah mendapat sesuatu gelaran dari lisan Rasulullah sendiri, selain dari gelaran yang telah baginda berikan kepada Sīti Zaynab binti Khuzaymah. Gelaran itu berbunyi: “wanita tangan panjang.”

Pada zahirnya gelaran tersebut hodoh, dan buruk bunyinya pada pendengaran telinga, apalagi gelaran yang seburuk itu diberikan kepada suatu jasad yang suci murni, diberikan kepada seorang wanita Islam yang menjadi suri rumah kepada junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W).

Kerana suatu gelaran yang ganjil inilah, maka mendorong jiwa dan menarik perhatian saya untuk menceritakan kepada sekalian kaum wanita dan para Muslimat seumumnya akan

riwayat hidup Sīti Zaynab binti Khuzaymah yang telah mendapat gelaran sebagai “wanita tangan panjang” itu, dengan tujuan supaya dapat difahami oleh semua peringkat kaum wanita bahawa sesuatu gelaran terhadap kaum wanita di zaman silam bukan sahaja bersifat mulia dan cantik molek, tetapi adakalanya mereka itu diberi suatu gelaran yang hodoh dan buruk bunyinya, tetapi mempunyai maksud dan tujuan yang suci mulia, lebih suci dan lebih mulia daripada segala sifat yang selama ini kita anggap mulia.

Dengan adanya gelaran “tangan panjang” itu seolah-olah Rasulullah mengadakan suatu pilihan raya secara undi terhadap wanita-wanita Islam umumnya dan kepada isteri-isteri Nabi sendiri khususnya, siapa di antara mereka yang layak menerima gelaran tersebut. Kerana hendak memberikan gelaran itu kepada salah seorang daripada isterinya maka Rasulullah pun lantas bersabda:

Asra'kumna luhūqar' bī'apwukumna yadī

¹ Perkataan sebenar ialah *lahāqan*.

Ertinya: “Orang yang paling lekas sekali di antara kamu yang mengikuti jejakku ialah orang yang bertangan panjang.”

Maksud yang dituju oleh hadith di atas ialah, barang siapa di antara isteri-isteri Nabi yang panjang tangannya, maka dialah orang yang paling lekas wafatnya – sama ada sebelum Rasulullah wafat ataupun sesudahnya – hadith tersebut memang sudah terang ditunjukkan kepada salah seorang daripada isteri-isteri Nabi yang mana nama isteri yang dimaksudkan oleh hadith itu dirahsiakan oleh Rasulullah; sedang isteri-isteri baginda sendiri di antara satu sama lain tidak dapat memahami apakah maksud dan tujuan Rasulullah memberikan gelaran “wanita tangan panjang” kepada isteri yang akan mendapat tempat istimewa di sampingnya itu?. Rahsia gelaran itu tetap menjadi suatu tanda tanya kepada isteri-isteri Nabi di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun setiap mereka ingin untuk mendapat gelaran “wanita tangan panjang” yang akan

diberikan oleh Nabi kepada salah seorang daripada mereka. Kerana sudah tidak syak lagi tiap-tiap seorang manusia yang diberikan sesuatu gelaran itu sudah pasti ia akan mendapat tempat yang istimewa di sisi Rasulullah sama ada di dunia mahupun di akhirat. Gelaran itu adalah menjadi satu jaminan akan kebahagiaan dan kemuliaan yang akan diterima oleh setiap orang yang menerima gelaran itu. Jaminan itu adalah merupakan hidup di dalam syurga dengan aman tenteram.

Setelah sekalian isteri Rasulullah mendengar hadith tersebut, sedang mereka tidak faham akan maksud dan tujuannya, maka mereka masing-masing pun berlumba-lumba mengemukakan diri dengan harapan untuk menjadi *candidate* (calon), supaya dapat menjadi seorang wanita yang akan mati cepat di belakang Rasulullah atau sebelumnya.

Pada suatu hari berkumpul mereka sesama sendiri untuk mengukur tangan masing-masing siapa yang lebih panjang di antara satu sama lain; dengan tujuan untuk mengetahui siapakah di antara mereka yang akan lekas wafatnya, dan siapakah di antara mereka yang akan dipilih menjadi calon menyandang gelaran “wanita tangan panjang” yang menjadi rebutan mereka itu. Sungguh bertuah dan beruntung sekali wanita-wanita yang berjaya menduduki kerusi calon itu.

Kita seumumnya kaum wanita harus faham dengan seluas-luas fahaman, bahawa setiap hadith yang disabdakan oleh Rasulullah (S.A.W) itu adalah merupakan suatu hukum

atau undang-undang yang wajib dituruti dengan secara jujur dan ikhlas untuk dijadikan panduan hidup bagi memimpin kaum dan bangsa ke arah jalan yang benar. Ajaran-ajaran baik yang terbit dari satu-satu hadith itu tetap memberi kesan dan mengalir ke dalam jiwa setiap orang yang beriman kepadanya seperti mengalirnya sebatang anak sungai yang menyuburkan tanaman-tanaman yang berada di pinggirnya; yang bererti hadith Rasulullah itu akan memberi manfaat kepada seluruh umat Islam dari segala peringkat dan lapisan.


Setelah sekalian isteri-isteri Nabi itu mengukur tangan masing-masing untuk mengetahui siapa di antara mereka yang lebih panjang tangannya, tetapi tidak berjaya kerana mereka dapati tangan-tangan mereka itu hanya lebih kurang sahaja panjangnya, mereka pun berpandang-pandangan di antara satu sama lain sambil berfikir apakah suatu tujuan yang terkandung di dalam hadith Rasulullah itu? Tidak seorang pun daripada mereka yang dapat menemukannya. Andai kata makna yang dituju oleh hadith itu mengandungi erti bahawa wanita-wanita yang bersifat pemurah, yang suka menolong orang-orang yang lemah, yang suka mengambil berat nasib orang-orang yang ditimpa kemalangan seperti orang-orang miskin dan anak-anak yatim yang hidup terlantar, maka tentu sahaja sekalian isteri-isteri Nabi itu ada mempunyai sifat-sifat yang baik seperti itu; habis kalau begitu siapakah yang sebenarnya di antara mereka yang dimaksudkan oleh hadith tersebut? Soal inilah yang membingungkan fikiran mereka; kerana mereka mengetahui bahawa

Rasulullah (S.A.W) melafazkan hadith itu adalah semata-mata ditujukan kepada salah seorang daripada isteri-isteri baginda sendiri; dan barangkali juga kepada semua kaum wanita yang dapat meneladani dan mencontohi sifat-sifat yang ada pada isteri-isteri baginda itu.

Setelah lebih kurang tiga bulan Siti Zaynab binti Khuzaymah berkahwin dengan Rasulullah (S.A.W) maka ia pun meninggal dunia, kewafatan Bint Khuzaymah ini sangatlah mendukacitakan baginda Rasulullah (S.A.W). Maka dengan wafatnya Siti Zaynab binti Khuzaymah ini baharulah isteri-isteri Nabi yang lain faham akan tujuan hadith yang dilafazkan oleh Rasulullah di hadapan mereka itu; dan tahulah mereka siapa dia yang mendapat gelaran “wanita tangan panjang” yang paling lekas sekali mengikuti jejak Rasulullah (S.A.W); iaitu yang paling lekas sekali wafatnya daripada isteri-isteri Nabi yang lain.

Setelah Siti Zaynab wafat, seluruh fakir miskin, anak-anak yatim piatu yang berada di seluruh kota Mekah dan Madinah tersangat merasa dukacita, fakir miskin merasakan mereka kehilangan seorang penaung, dan anak-anak yatim pula merasakan bahawa mereka kehilangan ibu bapa mereka buat kali yang kedua setelah mereka ditinggalkan oleh ibu bapa kandung mereka yang sebenarnya.

Nama Siti Zaynab dijulung tinggi oleh seluruh masyarakat dan oleh isteri-isteri Nabi yang lain khususnya, kerana kewanitaan Siti Zaynab meninggalkan jasa yang besar terhadap masyarakat umum. Selain daripada



Di Kelab Persatuan Wartawan-wartawan di Washington al-Malik Faisal sedang menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh para wartawan dalam dan luar negeri.

mendapat gelaran “wanita tangan panjang” dari Rasulullah, maka dari masyarakat Sīti Zaynab diberi gelaran ibu orang-orang miskin (*umm al-masākīn*). Gelaran tersebut diberikan kepada beliau ialah kerana mengenang jasa baik beliau yang banyak sekali berkhairat kepada masyarakat orang-orang miskin dan selalu mengorbankan harta, masa dan fikirannya demi untuk membela nasib orang-orang yang hidup melarat dan menderita.

Sīti Zaynab binti Khuzaymah telah mendapat tempat yang istimewa di dalam jiwa Rasulullah (S.A.W) serta dikasihi oleh seluruh masyarakat, kerana beliau tersangat suka mendampingi dirinya dengan masyarakat umum dari segala peringkat dan lapisan. Tangannya tidak pernah terenggam untuk mengeluarkan derma kebajikan untuk kepentingan masyarakat, kerana beliau mengerti dengan cara hidup tolong-menolong di antara satu sama lain akan lebih mempereratkan perhubungan

jiwa dan tali persaudaraan di dalam Islam. Sifat-sifat yang tinggi mulia inilah yang menyebabkan seumum masyarakat mencintainya.

Tiap-tiap perkataan yang dilafazkan oleh suami, kemudian perkataan-perkataan itu didengar dan ditaati oleh si isteri maka memang sudah pada tempatnya si suami itu menumpahkan sepenuh perasaan kasih sayang terhadap isterinya yang taat setia itu. Begitu pulalah halnya dengan Rasulullah, hadith yang dilafazkannya di hadapan isteri-isterinya dengan secara umum itu terkena calonnya kepada Sīti Zaynab binti Khuzaymah, yang mana kejadian ini tentu sedikit sebanyak memberi kesan ke dalam jiwa Rasulullah, terutamanya di atas kewafatan Sīti Zaynab yang berhampiran dengan masa wafatnya itu; bererti dalam masa yang tidak berapa lama berlakunya perceraian di alam dunia, baginda dapat berdamping semua dengan isterinya yang sangat dikasihinya itu dalam alam

akhirat. Ini sebagai suatu ganjaran dari jasa-jasa baik yang telah dilakukan oleh Sīti Zaynab binti Khuzaymah terhadap masyarakat umum semasa hayatnya.

(Bersambung)

“Dicari”

Dengan permintaan sahabat dari Timur Tengah: Sesiapa yang kenal ataupun mengetahui di mana keluarga dari almarhum al-Shaykh Abdul Aziz Abdul Wahab al-Shīmī al-Miṣrī, diminta berhubung kepada:

Abdullah Hamid al-Edrus

(Edrus Qalam)

356, Geylang Road,

Singapura 14.